

17 MAY 2004

Mahathir-Iraq

AS PATUT SERAHKAN KUASA MEMERINTAH DI IRAQ KEPADA PBB - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 17 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad hari ini berkata Amerika Syarikat (AS) patut menyerahkan kuasa memerintah di Iraq kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan menerima siapa sahaja yang dilantik oleh PBB sebagai pegawai pemerintah.

"Mereka mewujudkan masalah ini dan mereka boleh menyelesaikannya dengan

cara lain," katanya kepada pemberita selepas menerima buku bertajuk "A

Salute To A Man" di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa mengulas rancangan AS untuk memindahkan

beberapa pasukan tentera yang ditempatkan di Korea Selatan bagi membendung

serangan oleh pihak komunis Korea Utara dan mengerahkan mereka ke Iraq.

Dr Mahathir berkata AS telah menceroboh Iraq dan mereka tidak dapat

keluar dari sana kerana mereka sudah terlibat terlalu jauh dalam kancah

itu.

"Seperti yang saya katakan sebelum ini, mereka tidak sepatutnya menceroboh Iraq dan patut menumpukan terhadap memerangi keganasan.

"Mereka menunjukkan seolah-olah orang Iraq yang menyerang Amerika dan

mereka mahu menjajah Iraq dan kini mereka sudah terlibat terlalu jauh dalam

kancah itu dan mereka tidak boleh keluar," katanya.

Beliau berkata AS perlu terus berada di Iraq kerana mereka yang bertanggungjawab mewujudkan masalah berkenaan dan mereka sepatutnya

berada

di bawah pemerintahan PBB.

Semasa ditanya sama ada beliau menyokong inisiatif Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali

(NAM) untuk

bertemu dengan Kumpulan Empat, beliau berkata: "Saya fikir sesuatu perlu

dilakukan."

Terdahulu, buku yang memuatkan petikan-petikan bernas daripada ucapan-ucapan Dr Mahathir itu diserahkan kepada beliau oleh

penulisnya,

Bernice Narayanan.

Buku setebal 218 muka surat itu berharga RM120 senaskhah.

-- BERNAMA

NJ NJ AAM RHM